

# **BAB SATU**

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Kajian ini merupakan analisis sintaksis berhubung dengan kata kerja dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa yang terpenting dan bersistematik dan mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini. Al-Qur'an al-Karim yang diturunkan oleh Allah s.w.t. dalam bahasa Arab telah membuktikan betapa indah dan istimewanya bahasa ini. Sebagai satu tuntutan agama, setiap individu muslim perlu mempelajari bahasa Arab dan menggunakannya dalam amal ibadah seperti solat, haji dan lain-lain. Pada asasnya bahasa Arab adalah bahasa yang mempunyai kaedah sintaksis yang bersistematik seperti bahasa-bahasa lain juga, tetapi ianya lebih halus, tepat dan kompleks jika dikaji dengan lebih mendalam (Muhammad 'Aliyy :1982M, hal.20).

Fokus utama kajian ini ialah perbincangan mengenai kata kerja mabniy dalam bahasa Arab. Kata kerja bahasa Arab terdiri daripada tiga bahagian, iaitu kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja imperatif (Al-Šanhaaj: t.th, hal. 12-13). Kata kerja kala lampau dan kata kerja imperatif dalam bahasa Arab terdiri daripada golongan kata kerja mabniy. Begitu juga dengan kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswaṭ dan nuun tawkiid mubaasharaṭ (Fu'aad Ni'mat: 1973M, hal.133). Manakala yang lain pula termasuk dalam golongan kata kerja mu'rab (fleksi) yang akan berubah mengikut keadaan (Ibn Ḥishaam al-Anṣaariyy, t.th, hal 8-9).

Pemilihan kata kerja mabniy ini sebagai satu tajuk kajian adalah kerana penulis ingin menyelami selok-belok kata-kata kerja yang akan dapat memperlihatkan betapa indah dan tingginya nilai bahasa Arab ini serta ianya dapat menggambarkan dengan tepat keadaan sesuatu gerak kerja itu dilakukan. Semoga kajian ini akan dapat dimanfaati oleh pengkaji-pengkaji kemudian bagi mempermudahkan lagi proses pengkajian mereka dalam topik-topik yang berkaitan.

### **1.1 Objektif Kajian.**

Kajian ini bertujuan mencapai objektif seperti berikut:

- a) Untuk memahami segala permasalahan berhubung dengan kata kerja bahasa Arab yang digunakan sama ada dalam penulisan atau percakapan.
- b) Untuk mengenali perbezaan sesuatu kata kerja yang digunakan itu sama ada ianya tergolong di kalangan kata kerja mabniy ataupun mu'rab (fleksi).
- c) Untuk meninjau sejauh mana pencapaian dan penguasaan pelajar-pelajar tentang penggunaan kata kerja mabniy dalam bahasa Arab.
- d) Menambahkan koleksi buku-buku kajian nahu bahasa Arab yang sedia ada bagi membantu pelajar-pelajar dalam membuat kajian dan rujukan.

## **1.2 Kepentingan Kajian.**

Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Tajuk di atas dipilih memandangkan kajian mengenai kata kerja adalah amat penting. Kata kerjalah yang akan menentukan sesuatu lakuhan atau tindakan; bentuk atau format kata kerja juga perlu diselaras dan disesuaikan dengan pelaku, sama ada maskulin atau feminin, sama ada tunggal (mufrad), duaan (muthanna) ataupun ramai (jama').
- b) Persoalan seterusnya ialah apakah sesuatu kata kerja itu tergolong dalam kategori mabniy atau fleksi. Persoalan ini akan melibatkan tanda baris (baca) huruf akhir kata kerja tersebut sama ada ianya ditarik dengan tetap ataupun ianya berubah mengikut keadaan ataupun tempat. Oleh itu, satu kajian yang sistematik dan mendalam perlu dibuat untuk memudahkan kefahaman yang betul dan tepat.
- c) Kajian ini akan difokuskan kepada kata kerja mabniy. Ini penting bagi semua peringkat, dari pelajar sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Perbincangan dibuat bagi memahami ciri-ciri, sifat dan bentuk kata kerja mabniy serta cara-cara dan kaedah untuk membariskan kata kerja tersebut. Fahaman yang sempurna dan mendalam akan memudahkan pelajar memahami tajuk yang dipelajari.

### **1.3 Tinjauan Kajian Berkaitan.**

Dalam penelitian penulis, kajian dalam bahasa Melayu berkenaan dengan tajuk ‘Kata Kerja Mabniy Bahasa Arab’ secara khususnya masih belum dikaji lagi. Walau bagaimanapun tajuk-tajuk lain yang berhubung dengan kata kerja dalam bahasa Arab telah dibuat beberapa kajian. Antara tajuk-tajuk kajian tersebut ialah ‘Sistem Kala Kata Kerja Bahasa Arab’ oleh Munif Zariruddin Fikri bin Nordin pada tahun 1996M, ‘Analisis Tadhkiir Dan Ta’niith Kata Kerja Untuk Pelaku Muannath Yang Sama Dalam Al-Quran’ oleh Mohd. Nazmi bin Desa pada tahun 2001M, ‘Penggunaan Kata Kerja Muðaari’ oleh Abdul Rahman bin Jamaan pada tahun 2003M dan juga ‘Derivasi Kata Kerja Mu’tal Dalam Bahasa Arab’ oleh Mohd. Zaki bin Abdul Latiff pada tahun 2003M.

Kajian mengenai tajuk ‘Sistem Kala Kata Kerja Bahasa Arab’ banyak menumpukan kepada masa yang digunakan bagi sesuatu kata kerja itu dilakukan, sama ada ianya telah dilakukan, sedang dilakukan ataupun akan dilakukan. Kajian mengenai ‘Analisis Tadhkiir Dan Ta’niith Kata Kerja Untuk Pelaku Muannath Yang Sama Dalam Al-Quran’ pula lebih menumpukan kepada kata kerja yang dilakukan dan juga pelaku muannath yang melakonkan perbuatan tersebut. Kajian mengenai ‘Penggunaan Kata Kerja Muðaari’ pula, ianya lebih menumpukan kepada masa dan situasi bagi sesuatu kata kerja itu dilakukan, sama ada ia sedang dilakukan atau akan dilakukan serta bilangan pelaku itu sama ada seorang, dua orang atau pun lebih. Manakala kajian mengenai ‘Derivasi Kata Kerja Mu’tal Dalam Bahasa Arab’ pula banyak menumpukan kepada pembentukan serta pengolahan semula kata kerja mu’tal kepada bentuk kata kerja lain atau pun kata nama dan sebagainya. Oleh itu, di samping rujukan utama di perpustakaan, hasil-hasil kajian di atas juga digunakan sebagai pedoman dan panduan di dalam kajian penulis ini.

Bagi penulis pula, tajuk disertasi ini lebih menekankan kepada kata kerja mabniy; kata kerja kala lampau, kata kerja imperatif dan juga kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswaṭ ataupun nuun tawkiid mubaasharaṭ yang termasuk ke dalam golongan kata kerja mabniy.

#### 1.4 Batasan Kajian

Penulis akan membataskan kajian ini kepada kata kerja mabniy sahaja. Ini bermakna bahawa kata kerja fleksi, kata nama dan juga partikel tidak akan dihuraikan. Perbincangan awal ialah mengenai kata kerja dalam bahasa Arab secara keseluruhannya. Kemudian perbincangan difokuskan kepada kata kerja mabniy. Ini akan melibatkan bentuk kata kerja kala lampau (*fi'l maaḍi*) dan kata kerja imperatif (*fi'l amar*). Kedua-dua bentuk kata kerja tersebut adalah mabniy.

Perbincangan seterusnya menyentuh kepada kata kerja kala kini (*fi'l mudaari'*). Walaupun begitu, hanya kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswaṭ dan nuun tawkiid mubaasharaṭ sahaja akan dibincangkan. Ini kerana kedua-duanya termasuk dalam golongan kata kerja mabniy. Ada pun kata kerja kala kini yang selainnya adalah tergolong dalam kategori fleksi.

Sebagai pelengkap kajian, penulis juga akan membuat tinjauan penguasaan kata kerja mabniy bahasa Arab di kalangan 70 orang pelajar. Pelajar tersebut adalah pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor. Ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah kemampuan mereka terhadap tajuk yang

dibincangkan. Kemudian penulis akan membuat analisis, rumusan dan pandangan dari dapatan-dapatan tersebut.

### **1.5 Bidang Kajian**

Kajian dibuat mengenai tajuk kata kerja mabniy yang akan menyentuh aspek morfologi dan fonetik. Kajian akan dibuat tentang kata kerja mabniy yang terdiri daripada kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini yang berhubung dengan nuun tawkiid dan nuun niswāt dan juga kata kerja imperatif. Kajian juga memfokuskan tentang aspek sintaksis bagi menerangkan kedudukan dan sebab-sebab berlakunya sesuatu perubahan tersebut.

Bahan kajian ialah melalui buku-buku rujukan di perpustakaan sebagai sumber utama. Di samping itu, sedikit kajian lapangan juga dibuat terhadap sejumlah pelajar tingkatan empat untuk meninjau sejauh mana penguasaan dan pencapaian mereka di dalam bidang tersebut.

### **1.6 Metodologi Kajian.**

Metodologi kajian akan dibuat melalui dua cara. Pertama ialah melalui sumber rujukan dari perpustakaan. Di sini penulis akan mengumpulkan bahan-bahan maklumat yang telah dihasilkan daripada hasil karya para sarjana yang menulis mengenai sintaksis bahasa Arab, khususnya yang berkenaan dengan kata kerja. Pandangan para sarjana ini dikemukakan sebagai penjelasan dan perbandingan. Dari sini penulis akan memilih pendapat yang baik dan bersesuaian dengan perkembangan semasa dan akan membuat huraian bagi membuka minda untuk menjelaskan perbincangan tajuk ini.

Kajian kedua dibuat melalui tinjauan soal selidik dan ujian bertulis untuk melihat sejauh mana pencapaian dan penguasaan pelajar-pelajar mengenai tajuk perbincangan. Tinjauan akan dibuat melalui ujian objektif aneka pilihan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor bagi menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan penggunaan kata kerja mabniy. Melalui dapatan soal selidik dan ujian tersebut penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan bagi memudahkan lagi tugas pengkaji-pengkaji akan datang.

### 1.7 Rangka Kajian

Penulisan disertasi ini akan dibahagikan kepada empat bab dan dalam setiap bab akan dipecahkan kepada pecahan-pecahan kecil mengikut kesesuaiannya. Di dalam bab pertama, sebagai pengenalan, penulis memulakan dengan pendahuluan, objektif kajian, kepentingan kajian dan tinjauan terhadap kajian-kajian yang berkaitan. Kajian-kajian mengenai batasan, bidang, metodologi serta rangka kajian juga disertakan dan diakhiri dengan penutup sebagai kesimpulan bagi bab pertama ini.

Di dalam bab kedua penulis akan membincangkan tentang kata-kata dalam bahasa Arab. Perbincangan mengenai kata kerja, pembagiannya menurut Ilmu Saraf (Morfologi) dan Ilmu Nahu (Sintaksis) serta kajian mengenai kata kerja mabniy akan dibincangkan dengan lebih lanjut yang menjadi tajuk kajian dalam penulisan ini.

Di dalam bab ketiga pula, penulis akan membuat analisis, rumusan dan pandangan dari dapatan kajian melalui soal-selidik bagi melihat dan meninjau sejauh mana pencapaian dan penguasaan pelajar-pelajar tentang penggunaan kata kerja mabniy dalam bahasa Arab.

Di dalam bab keempat pula, penulis akan menyimpulkan kajian tersebut berdasarkan kepada rujukan dan juga soal-selidik yang dibuat. Pandangan dan cadangan untuk penyelesaian masalah juga akan diterangkan sebagai panduan bagi pihak yang terlibat demi untuk kebaikan semua.

#### **1.8 Penutup.**

Kesimpulannya, kajian ini adalah merupakan kajian perpustakaan dan lapangan yang akan mengkaji tentang kata kerja mabniy dalam bahasa Arab. Fokus kajian ialah mengenai kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun tawkiid dan nuun niswāt dan juga kata kerja imperatif. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenali dan memahami dengan kefahaman yang betul mengenai kata kerja mabniy, pemakaian tandanya serta sebab-sebab keadaan tersebut berlaku.